

ASEAN SEBAGAI SEBUAH PERTUBUHAN SERANTAU (*ASEAN as a regional organization*)

Mohamed Irwan Mansor

ABSTRAK

ASEAN ditubuhkan pada Ogos 1967 hasil dari persefahaman lima buah negara berjiran bagi menjaga kepentingan bersama, baik itu dari segi keselamatan mahu pun kepentingan perdagangan. Ini kerana pada ketika itu lima negara berjiran ini menghadapi ancaman komunis dan hubungan dua hala yang tegang antara satu sama lain. Artikel ini membincangkan latar yang membawa kepada penubuhan ASEAN, faktor-faktor yang mendorong penubuhannya, dan perkembangannya sebagai sebuah pertubuhan serantau.

Kata Kunci: Konsep kerjasama, serantau, latar ASEAN, faktor penubuhan, perkembangan ASEAN

ABSTRACT

ASEAN was established in August 1967 as a result of the understanding between five neighbouring countries to safeguard common interest, be it in terms of safety or even the importance of trade. This is because at that time the five neighboring countries faced Communist threat and bilateral tension amongst each other. This article discusses the background, the factors that led to the establishment of ASEAN, and its development as a regional organization.

Keywords: Concept of integration, regional, ASEAN background, factors of establishment, development of ASEAN

PENGENALAN

ASEAN adalah sebuah rantau yang cukup istimewa. Bentuk muka buminya terbahagi kepada dua daratan, iaitu daratan semenanjung dan daratan kepulauan. Daratan semenanjung terdiri daripada Myanmar, Thailand, Laos, Kemboja, Vietnam, dan wilayah Malaysia Barat, manakala wilayah kepulauan pula terdiri daripada Filipina, Indonesia, Malaysia Timur, Singapura, dan Timor Leste. Lokasi Asia Tenggara adalah terletak di antara tiga perairan, iaitu Lautan Hindi dan Teluk Benggala di bahagian barat, Laut Cina Selatan di utara, serta Lautan Pasifik di timur. Keluasan Asia Tenggara termasuk wilayah perairannya adalah kira-kira 4.511 juta kilometer persegi (Allen 2015:23).

Dari sudut politik pula, negara-negara Asia Tenggara mengamalkan sistem politik yang berbeza-beza. Brunei dan Kemboja mengamalkan sistem monarki beraja, Indonesia dan Filipina berpresiden, manakala Malaysia dan Singapura mengamalkan demokrasi berparlimen. Oleh kerana kepelbagaian ini, maka negara-negara di rantau ini bersetuju menyatukan wilayah mereka dalam penubuhan ASEAN. Artikel ini membincangkan latar belakang penubuhan ASEAN, tujuan penubuhannya, struktur anggotanya dan perkembangannya sebagai sebuah pertubuhan serantau.

KONSEP KERJASAMA SERANTAU

Sebelum membincangkan ASEAN sebagai sebuah kerjasama serantau, artikel ini terlebih dahulu membahaskan konsp pertubuhan serantau. Pertubuhan serantau yang dimaksudkan dalam artikel ini adalah kerjasama antara negara jiran yang sama yang memiliki ciri saling ketergantungan di antara negara anggotanya.

Dari segi sejarahnya, pertubuhan serantau wujud selepas Perang Dunia Kedua yang berpunca daripada hubungan antarabangsa yang tidak stabil. Ini dapat dilihat dari wujudnya pertikaian fahaman dan perang dingin di antara dua kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Jadi, bagi mengatasi ancaman daripada persaingan dua kuasa besar tersebut, maka negara-negara serantau mula menubuhkan pertubuhan serantau sesama mereka untuk melindungi wilayah masing-masing dari segi politik, ekonomi dan juga keselamatan. Pertubuhan serantau yang mula-mula ditubuhkan adalah European Coal and Steel Community (ECSC) pada tahun 1957 yang kini dikenali dengan nama European Union. Ini diikuti oleh Irganization African Unity (OAU) pada tahun 1963, ASEAN pada tahun 1967, Ecowas pada tahun 1975, dan SAARC pada tahun 1985.

Schmitter (1965:2) menyatakan kerjasama serantau ialah “... *a process whereby national units come to share part or all of their decisional authority with an emerging international organization.*” Definisi Schmitter ini menunjukkan pertubuhan serantau ialah unit-unit nasional yang berkongsi sebahagian atau keseluruhan kuasa dalam menentukan hala tuju dan keputusan dalam hubungannya dengan pertubuhan serantau yang mereka anggotai. Rajendran (1985:2) pula mendefinisikan kerjasama serantau sebagai “...*a number of states, of a larger unit (community) at the international level, through peaceful noncoercive means. Hence, regional cooperation implies the cooperation of each and every sector of the participating states including the military, economic and social welfare sector.*” Beliau menyatakan pertubuhan serantau sebagai sebuah unit gabungan antara negara membentuk sebuah pertubuhan besar dalam kalangan negara berjiran. Inisatif ini menghasilkan satu bentuk kerjasama yang memberikan manfaat besar kepada negara di dalam unit gabungan itu. Chibber (2004:34) pula mendefinisikan kerjasama serantau sebagai:

...a subcategory of international organization; they can be financial and nonfinancial institutions. They consist of those supranational institutions whose members are governments or monetary authorities of economies that are located in a specific region of the world regional organizations, which include Currency Union Central Banks (CUCB), are created for many purposes including supporting, guiding, and even governing aspects of the economic relationships or integration processes among the regions' economies.

Petikan di atas menunjukkan kerjasama serantau adalah subkategori organisasi antarabangsa yang boleh dibahagikan mengikut organisasi. Ia boleh menjadi institusi kewangan dan bukan kewangan yang terdiri dari orang-institusi supra nasional. Ahlinya adalah kerajaan atau pihak berkuasa ekonomi yang terletak di organisasi serantau dunia. Contohnya seperti mata wang Unit Eropah (XEU) yang dicipta untuk pelbagai tujuan termasuk menyokong, membimbing, dan juga mengawal aspek hubungan ekonomi atau proses integrasi di kalangan ekonomi di dalam rantau.

Tujuan mewujudkan kerjasama serantau ialah untuk kepentingan setiap anggota yang terlibat demi mencapai kesefahaman bersama dalam hal ehwal serantaunya dalam membuat keputusan bersama untuk memanfaatkan kepentingan bersama negara anggota. Antaranya adalah dalam bidang perdagangan dan ekonomi. Tujuan lain ialah untuk bertindak secara bersama dalam menyelesaikan konflik yang melibatkan negara anggota seperti tuntutan bertindih, keselamatan, sosial dan ekonomi. Apabila mereka berada dalam satu pertubuhan, ada piagam yang perlu dipatuhi yang akhirnya membuatkan mereka patuh dan menyemaikan sifat kebersamaan dalam satu pertubuhan (Roberts 2013).

Selain itu, tujuan lain ialah untuk mewujudkan kerjasama ketenteraan agar negara anggota tidak bersendirian dalam menangani ancaman sekiranya berlaku peperangan. Apabila ianya melibatkan negara anggota, maka peranan ketenteraan akan diambil oleh rakan anggota yang lain di bawah satu payung pertubuhan. Hal ini akan menjadikan negara itu lebih kuat kerana akan sentiasa sahaja ada negara yang bersedia berdiri di belakang untuk mempertahankan sesama mereka (Severino 2006:13). Sebagai contoh, NATO (North Atlantic Treaty Organization) yang dibentuk di Washington pada 4 April 1949. Apabila negara anggotanya Kosovo menghadapi konflik, maka NATO menghantar tenteranya untuk menyelesaikan krisis etnik di Kosovo pada tahun 1999. Selain itu, NATO juga membantu membina kembali rumah-rumah mangsa pelarian serta membangunkan kehidupan baru mereka di Kosovo (Daalder & O'Hanlon 2001:77).

Dari sudut ekonomi pula, kerjasama serantau ini banyak menggalakkan pertumbuhan ekonomi sesama negara anggota. Sebagai contohnya, dalam SAARC, India memainkan peranan utama dalam membantu negara kurang maju seperti Bangladesh dan Nepal. Misalnya, di saat Nepal dilanda gempa bumi yang teruk pada April 2015, India telah menawarkan bantuan ekonomi kepada Nepal untuk membangunkan semula kawasan yang musnah akibat bencana tersebut. Atas semangat kejiwaan, India telah menghulurkan dana sejumlah US\$600 juta untuk keperluan Nepal membangunkan semula negaranya yang musnah. Bagi India, luka Nepal adalah luka India (Shanker 2004:85).

Di dalam bidang perdagangan antarabangsa pula, kerjasama serantau ini dapat mewujudkan pakatan perdagangan antara negara anggota seperti menghapuskan cukai eksport, cukai perkhidmatan dan cukai bertindih lainnya. Pakatan perdagangan ini juga dapat mewujudkan kerjasama ekonomi seperti pengurangan peraturan-peraturan perdagangan dan pelaburan yang melibatkan sektor-sektor tertentu untuk kepentingan bersama. Ini tentunya dapat mengurangkan jurang kos urus niaga antara sektor-sektor swasta yang dapat menguntungkan negara-negara anggota (Bowles 2012:222).

Huraian di atas menunjukkan kerjasama serantau ialah kesepakatan negara-negara anggota bagi mencipta peranan yang saling menguntungkan melalui kerjasama yang dilakukan. Ia bererti penyatuan negara-negara yang merdeka dan berdaulat demi mencapai kepentingan bersama melalui kerjasama negara-negara anggota di bawah satu organisasi. Ia juga melibatkan pola kerjasama yang melangkaui sempadan negara yang menghasilkan keuntungan bersama. Tujuannya adalah untuk memastikan negara-negara anggota sentiasa

berusaha untuk memastikan matlamat yang menjadi kepentingan bersama dapat dicapai. Tujuan lain pertubuhan serantau adalah untuk memastikan perdamaian keamanan serantau dapat dipelihara dengan baik melalui hubungan erat yang diwujudkan. Melalui cara ini ia memberi manfaat kepada negara-negara anggota mengembangkan kerjasama dalam segala bidang.

Antara manfaatnya ialah membolehkan negara anggota mengatasi saiz kecil pasaran domestik, dan mencapai ekonomi skala serta pengkhususan dalam pengeluaran. Dengan itu, ini meningkatkan daya saing produk mereka. Kedua, akses kepada pasaran yang lebih besar membolehkan negara-negara anggota membangun dan mengembangkan industri sedia ada dengan menubuhkan industri eksport baharu dan mempelbagaikan eksport, dan mengurangkan kelemahan dalam pasaran produk tertentu. Ketiga, meningkatkan keupayaan negara anggota untuk berdepan dengan cabaran, termasuk cabaran teknologi baharu. Keempat, mengurangkan kos urus niaga merentasi sempadan antarabangsa dan menghapuskan sempadan antara negara.

Justeru manfaat yang banyak dari adanya kerjasama serantau inilah, maka ASEAN ditubuhkan. Bagaimanakah latar ASEAN sebelum penubuhannya, dan apakah faktor pendorong penubuhannya? Bahagian seterusnya artikel ini menjawab pertanyaan ini.

KERJASAMA NEGARA ASIA TENGGARA SEBELUM PENUBUHAN ASEAN

Selepas negara-negara Asia Tenggara mencapai kemerdekaan pada tahun 1940-an dan 1950-an, rantau ini terhimpit oleh pertembungan dua kuasa besar akibat Perang Dingin yang berlaku di antara Blok Timur dan Blok Barat. Keadaan ini menimbulkan kerisauan Asia Tenggara dan pemimpin-pemimpinnya. Hal ini menyebabkan mereka mencari jalan penyelesaian untuk menyatukan rantau ini di bawah satu bentuk kerjasama.

Justeru, Southeast Asia Treaty Organization (SEATO) ditubuhkan pada 8 September 1954 di Bangkok hasil pertemuan pemimpin dari tiga negara, iaitu Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia. Tujuannya adalah untuk menghimpun kekuatan Asia Tenggara di bawah pimpinan AS dan Inggeris untuk melawan blok komunis (Franklin 2006:36). Namun kerjasama SEATO ini tidak lama kerana Indonesia mendakwa Tanah Melayu dan Filipina adalah dua negara yang mempunyai hubungan akrab dengan negara penjajah. Indonesia juga mendakwa Tanah Melayu mempunyai perjanjian ketenteraan dan pertahanan dengan Britain melalui Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA). Dalam perjanjian ini, Australia dan New Zealand dilantik sebagai pemerhati dengan dipengerusikan oleh pengurus besar Britain di Asia Tenggara iaitu Malcom MacDonald. Akibat daripada tentangan inilah akhirnya SEATO gagal.

Setelah itu, negara-negara Asia Tenggara yang terdiri daripada negara Malaysia, Thailand dan Filipina menubuhkan Association of Southeast Asia (ASA) pada tahun 1961. Tujuan penubuhannya adalah untuk mengekalkan keamanan dan kebebasan negara-negara di kawasan rantau Asia Tenggara, memupuk keadilan sosial, dan meningkatkan kerjasama dan kemajuan dalam bidang ekonomi negara-negara ahli dan juga negara-negara lain di kawasan rantau Asia Tenggara. Waktu itu negara-negara Asia Tenggara sedang diancam hebat oleh pengaruh komunis. Di Tanah Melayu, perjuangan komunis bergiat sebagai parti politik melalui Parti Komunis Malaya (PKM). Gerakan komunis di negeri-negeri Melayu menjadi semakin teratur dan rancak. Matlamat utama perjuangan PKM ialah untuk menguasai Tanah Melayu dengan menjadikannya sebagai Republik Rakyat Malaya. Namun begitu, perjuangan PKM gagal kerana penggunaan strategi keganasan dalam

pergerakan mereka serta kelemahan kepimpinan PKM yang menyebabkan keadaan berpecah-belah dalam kalangan pemimpin pusat PKM (Cheah Boong Kheng 2009:133). Kemuncak keganasan PKM adalah apabila tiga orang Kuomintang dibunuh di Johor pada 12 Jun 1948 dan tiga orang berbangsa Eropah dan seorang pembantu ladang dibunuh di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun 1948. Rentetan peristiwa itu darurat diisytiharkan di Johor dan Perak pada 17 Jun 1948 (Cheah Boong Kheng 2009:134). Pada 12 Julai 1948, Sir Alexander Theodore Newbould selaku pegawai tadbir kerajaan meluaskan undang-undang darurat ke seluruh Tanah Melayu dan pengisytiharan ini diwartakan pada 13 Julai 1948. PKM kemudiannya diharamkan secara rasmi pada 23 Julai 1948 dan undang-undang ini memberikan kuasa kepada polis dan tentera untuk menangkap sesiapa yang disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan yang boleh mengancam keselamatan Tanah Melayu.

Setelah PKM diharamkan, mereka telah melancarkan perang gerila bagi menjatuhkan kerajaan Tanah Melayu. Selain Tanah Melayu, Thailand dan Filipina juga diancam komunis. Misalnya di Thailand, PKM telah bergerak masuk ke Selatan Thailand apabila perang menentang insurgensi di Malaysia dan perbincangan antara kerajaan Malaysia dan PKM di Baling pada 28 dan 29 Disember 1955 gagal. Chin Peng telah membawa anggotanya seramai 500 orang ke selatan Thailand dan menempatkan Rejimen ke-8 di Sadao, Rejimen ke-10 di Waeng dan Rejimen ke-12 di Betong. Akhirnya, pada 31 Julai 1961, satu mesyuarat telah diadakan di Thailand yang melibatkan tiga buah negara, iaitu Malaysia, Thailand dan juga Filipina. Hasil pertemuan ini, maka Association of Southeast Asia (ASA) ditubuhkan dengan tujuan untuk melumpuhkan ancaman pihak komunis (Fry 2008:38).

Selain itu, ASA juga bertujuan untuk menjalinkan kerjasama erat sesama negara anggota dalam bidang ekonomi, teknologi, sains dan politik bagi menjamin keselamatan dan kestabilan politik negara-negara anggota; mewujudkan kerjasama yang terancang, terutamanya dalam bidang latihan dan penyelidikan untuk kepentingan bersama, serta berusaha mewujudkan kerjasama yang erat dalam membentuk keamanan serantau; dan mewujudkan kerjasama ekonomi bagi mengurangkan kadar kemiskinan di rantau ini. ASA juga berhasrat untuk menjadi sebuah pertubuhan yang bebas dari mana-mana blok kuasa besar pada ketika itu (Vincent 1970:245).

Pada awalnya, kerjasama ASA berjalan dengan baik. ASA berjaya membuat pertukaran tenaga pakar, membina kerjasama dalam bidang pelancongan, perkapalan, penerbangan, pertukaran pelajar antara Universti Malaya dan Universiti Filipina, pertukaran budaya dan kesenian (Vincent 1970:245). Namun, kemudian muncul perselisihan di antara negara-negara yang terlibat. Keadaan tersebut berpunca daripada beberapa faktor. Pertama, Indonesia melihat ASA sebagai sebuah gabungan pertubuhan anti pemerintahan Presiden Soekarno. Kesangsian ini mula timbul apabila Indonesia melihat Malaysia telah menjalinkan hubungan yang kuat dari sudut ketenteraan dengan Amerika Syarikat. Selain itu, Indonesia juga tidak bersetuju dengan penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Ekoran itu, Indonesia telah melancarkan dasar konfrontasinya terhadap Malaysia pada tahun 1963. Akibatnya, ASA tidak lagi dapat bergerak dan tidak dapat bertahan lama. Faktor kedua kegagalan ASA adalah disebabkan oleh tindakan Filipina membantah kemasukan Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Filipina telah mendakwa Sabah adalah sebahagian daripada Sulu yang berada dalam kawasannya. Justeru konflik ini, Filipina akhirnya juga telah menarik diri daripada ASA dan ASA dibubarkan pada tahun 1963 (Fry 2008:40).

Kegagalan ASA mendorong kepada penubuhan MAPHILINDO, iaitu singkatan dari gabungan tiga buah negara Malaya, Filipina dan Indonesia. Persetujuan untuk menubuhkan MAPHILINDO pada tahun 1963 adalah hasil idea Presiden Filipina, Macapagal yang ingin mewujudkan sebuah Persekutuan Gabungan Dunia Melayu untuk tujuan meleraikan perbezaan yang wujud dalam kalangan negara anggota yang berpecah akibat dari warisan sejarah yang dilalui. Tanah Melayu adalah bekas tanah jajahan British termasuk Sabah dan Sarawak, Indonesia bekas tanah jajahan Belanda, dan Filipina bekas tanah jajahan Sepanyol. Matlamat lain adalah mencari kesepakatan dalam mewujudkan keamanan dan kestabilan negara rantau Asia Tenggara. Konsep ini juga adalah bertujuan untuk menitikberatkan keahlian yang berketurunan Melayu (Malay origin) (Mansfield & Milner 1999:592). Atas dasar inilah penyertaan Thailand telah disekat bagi memastikan ia betul-betul membawa kepentingan rumpun Melayu, selain menyelesaikan masalah konflik dan ketegangan antara Malaysia dan Filipina yang tercetus akibat dari gagasan Persekutuan Malaysia. MAPHILINDO dilihat bertentangan dengan konsep kerjasama yang dipegangnya menyebabkan ia hanya bertahan beberapa minggu sahaja tanpa sempat untuk melancarkan kegiatannya. Ia dibubarkan pada 17 September 1963, sehari selepas Persekutuan Malaysia ditubuhkan (Solidum & Estrella 2004:32).

Perbincangan di atas menunjukkan selepas mencapai kemerdekaan, negara-negara di Asia Tenggara berusaha untuk mewujudkan pertubuhan serantau berdasarkan beberapa faktor. Pertama untuk membebaskan negara masing-masing daripada ancaman pengaruh komunis serta pertembungan kuasa Blok Timur dan Blok Barat yang terbentuk akibat Perang Dingin. Kedua, untuk menjalinkan kerjasama ekonomi serta mewujudkan persefahaman politik dan sosial. Ketiga, untuk menggabungkan dunia Melayu demi menghasilkan bentuk persefahaman yang mantap dalam meleraikan pelbagai perbezaan yang wujud. Namun semua itu telah gagal akibat pelbagai masalah yang timbul menjadikan negara-negara serantau mengambil inisiatif baharu untuk mewujudkan kerjasama dalam kalangan mereka. Hasilnya terbentuklah ASEAN dan aspek inilah yang dibincangkan di bahagian berikutnya.

LATAR BELAKANG ASEAN DAN FAKTOR PENUBUHANNYA

Selepas Perang Dunia Kedua, rantau Asia Tenggara adalah kawasan bergolak. Misalnya, pada tahun 1957, tercetusnya Perang Vietnam, selepas itu berlaku pula konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia, tuntutan Filipina terhadap Sabah dan pemisahan Singapura dari Malaysia. Rentetan konflik ini, maka pemimpin negara-negara Asia Tenggara menyedari perlunya untuk bekerjasama demi meredakan rasa saling curiga bagi membangunkan rasa saling percaya antara negara serantau.

Maka, selepas berakhirnya konfrontasi Indonesia dan Malaysia, para pemimpin negara-negara Asia Tenggara telah menghidupkan kembali gagasan kerjasama serantau. Pada Julai 1966, perundingan tidak rasmi antara Indonesia dan Malaysia diadakan untuk mewujudkan sebuah kerjasama serantau yang aman, maju dan makmur antara negara yang berada di rantau ini. Menjelang tahun 1966, pelbagai faktor politik muncul yang menguatkan lagi semangat serantau untuk bersama-sama membentuk jalinan kerjasama. Pada tahun yang sama, kepimpinan kerajaan Indonesia berubah apabila Soekarno digantikan oleh Presiden Soeharto. Di bawah pemerintahan Soeharto ini, Indonesia telah menunjukkan perubahan drastik apabila bersedia untuk mengakhiri konfrontasi antara

Malaysia dan Indonesia. Kesediaan Soeharto ini telah memulihkan hubungan antara kedua-dua negara tersebut. Dalam tempoh ini juga, Malaysia juga telah menyelesaikan konfliknya dengan Singapura apabila kedua-dua negara bersetuju untuk berpisah pada 9 Ogos 1965.

Di Filipina pula, perubahan kerajaan daripada Macapagal kepada Presiden Ferdinand Marcos telah mengurangkan ketegangan hubungan antara Filipina dan Malaysia. Di awal pemerintahannya, Marcos telah menggunakan tema memulihkan hubungan diplomatik dengan Malaysia, termasuk ketika di dalam kempen-kempen pilihan rayanya lagi (Paridah & Darusalam 1992:569). Berikutan kemenangan Marcos, pada tahun 1966 hubungan Malaysia dan Filipina telah dipulihkan demi menjamin keamanan, keselamatan dan kemajuan rantau Asia Tenggara. Kemenangan Marcos melalui manifesto pemulihan hubungan Filipina dan Malaysia itu telah menunjukkan rakyat Asia Tenggara, khususnya rakyat Filipina menginginkan hubungan antara dua negara ini dipulihkan dengan segera. Ini menunjukkan semangat masyarakat pada waktu itu yang mahukan penyatuan kerjasama dengan semangat serantau bagi negara-negara Asia Tenggara.

Semua ini telah menjadi faktor pendorong kepada penubuhan ASEAN. Hal ini membawa kepada agenda perbincangan rasmi pada awal tahun 1967 antara negara Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan Filipina. Maka, dari sinilah lahirnya ASEAN (Association of South East Asian Nations) sebagai sebuah pertubuhan serantau yang dibentuk oleh lima negara pendiri utama iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand (Fry 2008:42). Dalam satu pertemuan di Bangkok, menteri luar negara-negara ini menandatangani Deklarasi ASEAN atau disebut Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967 menandakan rasmilah penubuhan ASEAN. Kelima-lima menteri luar tersebut ialah Adam Malik dari Indonesia, Tun Abdul Razak dari Malaysia, S. Rajaratnam dari Singapura, Thanat Koman dari Thailand dan Narcisco Ramos dari Filipina (Narine 2002:12).

Penubuhannya mempunyai beberapa tujuan. Pertama, untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan serantau. Kedua, untuk meningkatkan kerjasama kebudayaan serantau bagi mengukuhkan persahabatan dan kesejahteraan seluruh komuniti Asia Tenggara. Ketiga, untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan serantau melalui cara menghormati keadilan dan undang-undang dalam menjalinkan hubungan antara negara serta mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Keempat, untuk mengadakan kerjasama yang lebih berkesan demi meningkatkan lagi aktiviti pertanian dan industri, meluaskan perdagangan dan komoditi antarabangsa, meningkatkan pengangkutan, komunikasi dan taraf hidup rakyat. Seterusnya kelima, untuk mengekalkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa dan serantau bagi mencari jalan untuk merapatkan lagi jalinan kerjasama untuk pelbagai manfaat bersama (Rajendran 1985; Allen 2015).

Sejak penubuhannya, ASEAN telah memainkan peranannya sebagai sebuah pertubuhan serantau dengan baik. Negara-negara anggotanya telah mencorakkan kerjasama yang saling menguntungkan serta memberikan manfaat yang jelas untuk dicapai secara bersama. Dengan penubuhannya ini, maka ASEAN menjadi sebuah pertubuhan serantau yang semakin berkembang daripada hanya lima buah negara di awal penubuhannya kepada keanggotaan yang melibatkan semua negara Asia Tenggara. Bagaimanakah perkembangan ASEAN selepas penubuhannya? Bahagian seterusnya membincangkan hal ini.

PERKEMBANGAN ASEAN SEBAGAI SEBUAH PERTUBUHAN SERANTAU

Sejak penubuhannya, ASEAN telah membentuk hubungan yang baik dengan negara-negara anggotanya bagi mencapai objektifnya sebagai sebuah pertubuhan serantau. Hubungan baik yang terbentuk ini telah membolehkan ASEAN menjadi rantau yang aman dan stabil politiknya. Bagi memastikan ASEAN dapat terus bekerjasama dengan baik tanpa campur tangan negara anggota, maka ASEAN memperkenalkan konsep Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) di Kuala Lumpur pada 27 November 1971. ZOPFAN bertujuan untuk menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai suatu rantau aman dan bebas dengan setiap negara anggota tidak campur tangan dalam negara-negara anggota ASEAN yang lain serta berkecuali daripada menyokong mana-mana blok kuasa besar (Michael 2003:44).

Untuk memaksimumkan pelaksanaan ZOPFAN, para pemimpin ASEAN menandatangani dua dokumen penting yang menyokong pelaksanaannya. Dokumen tersebut iaitu TAC (Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia) dan Perumusan ASEAN Concord. Kedua-dua dokumen tersebut bertujuan untuk meningkatkan persahabatan di antara negara-negara ASEAN sehingga tercipta kerjasama serantau yang lebih komprehensif (Alagappa 1991:348). Dalam TAC misalnya, negara ASEAN sepakat untuk saling menghormati kedaulatan negara lain dan tidak turut campur tangan ke atas urusan politik domestik negara anggota ASEAN. Selain itu, ZOPFAN juga bertujuan untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai kawasan yang bebas daripada senjata nuklear supaya negara kuasa besar tidak boleh menggunakan ASEAN sebagai pusat pengujian senjata nuklear ataupun membina pusat ketenteraan mereka di dalam kawasan rantau ini (Narine 2002:66). Ini bagi menjadikan keamanan negara ASEAN terjamin. ZOPFAN juga telah membuka ruang untuk ASEAN menjalankan kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa yang lain seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Terdapat tiga faktor utama kenapa ZOPFAN penting kepada ASEAN. Pertama, untuk meyakinkan negara-negara ASEAN bahawa campur tangan kuasa-kuasa besar dalam pertelingkahan negara-negara Asia Tenggara boleh membawa kesan buruk kepada kestabilan di rantau ini. Ini dapat dilihat dalam kes peperangan Vietnam yang membuktikan campur tangan kuasa-kuasa besar dalam pertelingkahan negara-negara di Asia Tenggara telah menjejaskan kestabilan rantau ini (Alagappa 1991:350). Kedua, untuk mengekalkan negara-negara ASEAN lain dari campur tangan dalam urusan domestik negara anggota. Ini bagi memastikan tidak ada negara-negara anggota yang menceroahi kedaulatan negara-negara anggota ASEAN yang lain. Ketiga, untuk membolehkan negara-negara ASEAN menyelesaikan krisis yang dihadapi melalui semangat perundingan dalam ASEAN. Dengan cara inilah, krisis dan konflik dapat diselesaikan secara baik dan aman (Allagapa 1991; Arase 2002; Anthony 2005).

Bagi mengeratkan lagi hubungan negara-negara anggota, ASEAN menubuhkan ASEAN Regional Forum (ARF) pada 25 Julai 1994 di Bangkok. ARF ini adalah forum perundingan sesama negara-negara Asia Tenggara dalam mengatasi masalah yang dihadapi. ARF disertai oleh kesemua ahli anggota ASEAN termasuk Kemboja sebagai pemerhati, Papua New Guinea sebagai pemerhati jemputan serta beberapa negara sekutu dialog yang terdiri daripada China, Kanada, Korea Selatan, Kesatuan Eropah, India, Jepun, Mongolia, New Zealand, Pakistan, Rusia, Sri Lanka, dan Amerika Syarikat (Emmers 2003:79). Di samping itu, ARF ditubuhkan dengan tujuan untuk menjaga kestabilan dan

keharmonian negara anggota bagi mengukuhkan talian kerjasama dan membina keyakinan di kalangan negara anggota. Mereka percaya kepercayaan dalam kalangan negara anggota merupakan pemangkin kepada tahap kerjasama untuk memastikan pertubuhan serantau ini bergerak bersama-sama ke arah mencapai matlamat ASEAN itu sendiri.

Seterusnya ARF turut berfungsi sebagai badan untuk menangani konflik negara-negara anggota secara perundingan bersama. Antara pendekatan bersama yang diambil oleh ASEAN adalah dalam menyelesaikan isu pertindihan sempadan, isu keselamatan penganas, isu kemanusiaan, isu perdagangan dan kerjasama ekonomi serta pelancongan. Dalam erti kata lain, ASEAN mencari penyelesaian perdamaian kepada setiap konflik yang berlaku agar ianya tidak menggugat keamanan dan proses pertumbuhan rantau ini. Misalnya, mengaplikasikan prinsip yang terkandung dalam Fasal 1 Piagam ASEAN yang menyatakan ASEAN adalah sebuah komuniti dan keluarga besar negara-negara Asia Tenggara, bukannya sekadar kelompok negara yang disatukan atas faktor geopolitik. Oleh itu, bagi mencapai tujuan ini, setiap negara anggota yang berkonflik menggunakan pendekatan damai seperti perundingan dan konsultansi dalam menyelesaikan sesuatu krisis dan konflik yang tercetus.

Selain berperanan dalam menyelesaikan konflik negara anggota, ARF turut berperanan dalam mewujudkan medan forum, dialog dan konsultasi mengenai hal-hal yang berkaitan dengan politik dan keamanan serantau. Antara forum dan dialog yang telah dianjurkan oleh ARF adalah mengenai isu Laut China Selatan yang dituntut oleh beberapa negara seperti Thailand, Malaysia, Filipina, Vietnam, Brunei, Kemboja dan China. Negara-negara tersebut menuntut Kepulauan Spratly dengan hujah pulau tersebut berada dalam perairan negara mereka. Lalu ARF ini digunakan sebagai forum untuk berunding berkenaan konflik ini. ARF telah berjaya memberi peluang kepada negara-negara terbabit untuk bertukar-tukar pandangan dan fakta untuk mencari kata sepakat yang boleh membawa kepada penyelesaian konflik (Emmers 2003:57).

Dengan peranannya itu, ARF telah berjaya menyelesaikan isu-isu berbangkit. Misalnya, ARF telah berjaya menyelesaikan isu-isu keganasan dan keselamatan dengan bertukar-tukar maklumat risikan dan keselamatan sehingga tertangkapnya beberapa ahli Jemaah Islam (JI). Sebagai contoh, Hambali, seorang penganas JI berjaya ditangkap di Bangkok dalam misinya mengebom Persidangan APEC. Seterusnya ARF juga menghasilkan laporan-laporan yang mendedahkan bahawa Thailand, Malaysia dan Singapura merupakan laluan JI. Singapura adalah negara sasaran bagi JI kerana negara ini mempunyai hubungan yang akrab dengan Amerika Syarikat (Emmers 2003:87).

Selain ARF, sejak tahun 1997 lagi, ASEAN juga telah membina kerjasama dengan negara-negara Asia Timur yang terdiri daripada China, Jepun dan Korea Selatan yang dikenali sebagai ASEAN+Three. Selain itu, ASEAN juga membina kerjasama ekonomi dengan organisasi kerjasama ekonomi lainnya seperti The Asian Cooperation Dialogue yang diasaskan oleh Thailand pada tahun 2002, melakukan kerjasama dengan EU Ministerial Meeting semenjak tahun 1995 serta Asia-Europe Meeting (ASEM) semenjak tahun 1996 (Emmers 2003:104). Kejayaan ASEAN ini menunjukkan ASEAN telah melakukan pelbagai kerjasama untuk memacu kejayaannya sebagai sebuah pertubuhan serantau.

Kejayaan ASEAN ini telah menarik negara-negara lain dalam rantau Asia Tenggara untuk turut menyertai pertubuhan ini. Jika di awal penubuhannya, ASEAN hanya dianggotai lima buah negara sahaja, dengan kejayaannya ini, Brunei turut menjadi anggota baharu ASEAN pada 8 Januari 1984, iaitu seminggu selepas negara tersebut mencapai

kemerdekaan dari Britain. Sebelas tahun kemudian pada 28 Julai 1995, Vietnam menjadi negara ketujuh menyertai ASEAN. Kelewatan Vietnam menganggotai ASEAN adalah kerana ketika ASEAN dibentuk, negara Vietnam sedang berhadapan dengan peperangan bersama Amerika Syarikat yang akhirnya berjaya ditamatkan dengan langkah penyatuan Vietnam Utara dan Vietnam Selatan. Vietnam merupakan negara yang berfahaman Komunis, maka ia bertentangan dengan ideologi negara-negara anggota ASEAN yang lain. Faktor ini juga turut mendorong kepada kelewatan Vietnam menganggotai pertubuhan ini (Herring 2001:168).

Pada 25 Julai 1997, Laos, Myanmar dan Kemboja pula menyertai ASEAN. Keanggotaan Kemboja tidak lama kerana negara ini terpaksa menarik diri akibat masalah politik dalaman. Namun begitu, dua tahun kemudian Kemboja kembali menyertai ASEAN pada 30 April 1999, menjadikannya sebagai negara anggota kesepuluh ASEAN dan terus bertahan sehingga kini. Penyertaan tiga negara tersebut ke dalam pertubuhan ASEAN telah membentuk pelbagai kerjasama yang menguntungkan negara-negara ahli yang menganggotai pertubuhan ini. Misalnya, Laos telah dibantu oleh Thailand dan Indonesia dalam memperkuatkan kerjasama dalam sektor pemakanan dan pertanian. Filipina pula bekerjasama dengan Malaysia dalam menjaga keselamatan perairan seperti dalam usaha membanteras kegiatan penganas Kumpulan Abu Sayaf pada tahun 2000.

Dengan kemasukan negara di rantau Asia Tenggara ke dalam ASEAN, hanya Timor Leste sahaja yang masih kekal sebagai negara pemerhati dalam ASEAN. Timor Leste pada asalnya adalah wilayah Indonesia yang bergabung pada tahun 1975, namun akhirnya berpisah dengan Indonesia dan menjadi negara merdeka pada tahun 2002. Justeru itu, penyertaan Timor Leste menganggotai ASEAN tergendala akibat tentangan daripada Indonesia yang terpaksa melepaskan wilayah itu pada tahun 2002. Selain itu, penyertaan Timor Leste turut mendapat tentangan daripada Laos, Singapura dan Vietnam yang meminta Timor Leste menjadi anggota pemerhati dan menyelesaikan masalah dalamannya terlebih dahulu sebelum menganggotai ASEAN. Tentangan juga dilakukan oleh Myanmar kerana terkilan dengan pendirian negara tersebut yang pernah menyatakan sokongan terbuka kepada Aung San Suu Kyi melawan kerajaan junta dan diktator di Myanmar. Oleh kerana itu, ASEAN telah mengambil langkah berwaspada dengan masih menimbangkan permohonan rasmi presidennya Jose Ramos Horta untuk menyertai pertubuhan ini (Leach & Kingsbury 2013:5). Walaupun belum lagi menganggotai ASEAN secara rasmi, namun Timor Leste telah bersiap sedia dengan prasarana yang perlu untuk menjadi anggota ke-11 ASEAN dalam aktif menyertai sidang kemuncak utama ASEAN pada setiap tahun sebagai pemerhati. Di samping itu, negara tersebut juga telah mewujudkan pejabat kedutaannya di kesemua 10 negara anggota ASEAN yang menjadi antara syarat untuk diterima sebagai ahli baharu pertubuhan berkenaan.

Penyertaan kesemua negara di rantau Asia Tenggara ke dalam ASEAN ini telah memberi nafas baharu kepada negara anggota bagi memastikan rantau ini terus pesat dan membangun. Jika dahulu, negara-negara Asia Tenggara hanya mengejar objektif negara masing-masing melalui sumber yang terhad, kini, apabila menganggotai ASEAN, mereka saling melengkapi antara satu sama lain dan berusaha keras untuk bersama mengatasi kekurangan yang ada. Dengan bergabungnya negara-negara Asia Tenggara ke dalam ASEAN, maka ASEAN menghadapi cabaran dalam mencapai objektif penubuhannya terus aman dan berkembang maju.

KESIMPULAN

ASEAN merupakan sebuah pertubuhan serantau negara-negara Asia Tenggara yang ditubuhkan pada 8 Ogos 1967. Sebelum penubuhannya, negara-negara Asia Tenggara telah menubuhkan SEATO, ASA dan MAPHILINDO, namun ketiga-tiganya gagal kerana krisis dan pertelingkahan antara mereka. Antara krisisnya adalah penentangan Indonesia dan Filipina terhadap gagasan penubuhan Malaysia. Penentangan ini menimbulkan ketegangan dan akhirnya menamatkan pertubuhan serantau yang mereka bina.

Perbincangan artikel ini juga telah menunjukkan tujuan penubuhan ASEAN adalah untuk mempercepatkan kerjasama ekonomi, kemajuan sosial dan perdagangan di rantau Asia Tenggara. ASEAN menggalakkan keamanan dan kestabilan politik serantau dengan memperkenalkan konsep ZOPFAN, mematuhi prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk latihan dan penyelidikan, kerjasama dalam sektor pertanian dan perdagangan serta mengeratkan hubungan ASEAN dengan pertubuhan serantau antarabangsa yang lain. Sejak penubuhannya, ASEAN telah berkembang menubuhkan ARF sebagai forum untuk menyelesaikan banyak isu bersama. Antaranya ialah dalam kes tuntutan bertindih, menjaga keselamatan bersama dan memerangi ancaman terorisme. Selain itu, ASEAN juga melakukan hubungan kerjasama ekonomi dengan negara lain seperti China dan Amerika Syarikat.

Di akhir analisisnya, artikel ini telah menunjukkan penyertaan kesemua negara Asia Tenggara ke dalam ASEAN telah menyebabkan ASEAN terus berkembang maju baik itu dari segi kerjasama ekonomi, perdagangan, keselamatan, kebudayaan, teknologi dan lainnya.

RUJUKAN

- Alagappa, M. 1991. Regional Arrangements and International Security in Southeast Asia: going beyond ZOPFAN. *Contemporary Southeast Asia* 12(4): 345-357.
- Allen, R. 2015. *A short introduction to the history and politics of Southeast Asia*. 2nd edition. New York: Oxford University Press.
- Anthony, M.C. 2005. *Regional security in Southeast Asia: beyond the Asean Way*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Arase, D. 2002. Constructing a security community in Southeast Asia: ASEAN and the problem of regional order. *American Political Science Review*. *Menasha* 96(2): 460-477.
- Bowles, P. 2012. ASEAN, AFTA and new regionalism. *Pacific Affairs* 112(2): 219-233.
- Brass, P.R. 2013. *South Asian Politics: India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, and Nepal*. London: Routledge.
- Cheah Boon Kheng. 2009. The Communist insurgency in Malaysia, 1948-1990: contesting the nation-state and social change. *New Zealand Journal of Social Science* 11(1): 132-152.

- Chibber, B. 2004. *Regional Security and Regional Cooperation: a comparative study of ASEAN and SAARC*. New Delhi: New Century Publications.
- Daalder, I.H. & O'Hanlon, M.E. 2001. *Winning ugly: NATO's war to save Kosovo*. New York: Brookings Institution Press.
- Emmers, R. 2003. *Cooperative security and the balance of power in ASEAN and the ARF*. London: Routledge Curzon.
- Franklin, J.K. 2006. *The Hollow Pact: Pacific Security and the Southeast Asia Treaty*. New York: Free Press.
- Fry, G. 2008. *The Association of Southeast Asian Nations*. New York: Chelsea House.
- Herring, G.C. 2001. *America's Longest War: The United States and Vietnam, 1950–1975*. London: Penguin.
- Leach, M. & Kingsbury, D. 2013. *The politics of Timor-Leste: democratic consolidation after intervention*. Cornell: Cornell Southeast Asia Program, Cornell University Press.
- Mansfield, E. & Milner, H. 1999. The new wave of regionalism. *International Organization*. 53(3): 589-627.
- Michael, L. 2003. *Is ASEAN a Security Organisation?* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Narine, S. 2002. *Explaining in ASEAN: regionalism in southeast Asia*. London: Lyne Rienner Publishers.
- Paridah Abd. Samad & Darusalam Abu Bakar. 1992. Malaysia-Philippines relations: the issue of Sabah. *Asian Survey* 32(6): 554-567.
- Rajendran, M. 1985. *Asean's Foreign Relations*. Kuala Lumpur: Arena Buku.
- Roberts. C.J. 2013. *ASEAN Regionalism: cooperation values and institutionalisation*. Singapore: ISEAS.
- Schmitter, P. 1965. *A revised theory of regional integration*. Cambridge: Harvard University Press.
- Severino, R.C. 2006. *Southeast Asia in search of an ASEAN community*. Singapore: ISEAS.
- Shanker, J.P. 2004. Strengthening cooperation in the SAARC region. *Journal of BIIS* 25(4): 75-91.

eBangi - Special Articles (December, 2017)

Solidum, K. & Estrella, D. 2004. *The politics of Asean: an introduction to Southeast Asian regionalism*. Singapore: Times Academic Press.

Than, M. & Gates, C.L. 2001. *ASEAN enlargement: impacts & implications*. Singapore: Seng Lee Press.

Vincent, K.P. 1970. ASA and ASEAN, 1961-1967: Southeast Asian Regionalism. *Asian Survey* 3(10): 244-255.

MOHAMED IRWAN MANSOR
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra MNalaysia
43400 UPM Serdang
Selangor
E-mel: irwanmansor123@gmail.com